



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**MUZIUM : PENGURUSAN KOLEKSI PAMERAN DI RUMAH
KELAHIRAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD**

Muhammad Naim Bin Abdul Aziz

Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2015

**PENGURUSAN KOLEKSI PAMERAN DI RUMAH KELAHIRAN TUN DR
MAHATHIR MOHAMAD**

MUHAMMAD NAIM BIN ABDUL AZIZ

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the**26**.....day of.....**JUNE**...2015.

Student's Declaration:

I **MUHAMMAD NAIM BIN ABDUL AZIZ, 37344, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled **PENGURUSAN KOLEKSI PAMERAN DI RUMAH KELAHIRAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

26 JUNE 2015

Date submitted

MUHAMMAD NAIM BIN ABDUL AZIZ, 37344

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **MR. ALEXANDER AK CHELUM** hereby certifies that the work entitled **PENGURUSAN KOLEKSI PAMERAN DI RUMAH KELAHIRAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD** was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: MR. ALEXANDER AK CHELUM

(Name of the supervisor)

26 JUNE 2015

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(26 JUNE 2015)

Supervisor signature: _____
(26 JUNE 2015)

Current Address:

**F 519 PERMATANG BULUH, KOTA SARANG SEMUT, 06800 , ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk ‘ **Pengurusan Koleksi Pameran Di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad** ‘ telah disediakan oleh **Muhammad Naim bin Abdul Aziz** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima dan diperiksa oleh :

Encik Alexander ak Chelum

Penyelia Penyelidikan Tahun Akhir

Tarikh :

PENGHARGAAN

Alhamdulillah , syukur keatas hadrat ilahi dengan rahmatnya serta nikmat masa, tenaga yang dianugerahkan kepada saya, dapat juga saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Pertamanya, saya ingin mendidekasikan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En Alex anak Chelum daripada Universiti Malaysia Sarawak kerana memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang tidak berbelah bahagi sepanjang saya menyiapkan tesis ini dengan baik.

Saya juga ingin merakam setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa saya iaitu Che Ma binti Ismail dan Abdul Aziz bin Ahmad serta adik beradik saya iaitu Sabariah binti Abdul Aziz, Aminuddin bin Abdul Aziz, Siti Mariam binti Abdul Aziz, Che Kamisah binti Abdul Aziz, Sofiah binti Abdul Aziz, Nur Hidayah binti Abdul Aziz, Muhd Othman bin Abdul Aziz, Abdul Ghafar bin Abdul Aziz, Muhd Solahuddin bin Abdul Aziz, Muhd Ridhuan bin Abdul Aziz yang telah banyak memberi pemudah cara dan sokongan moral kepada saya bagi menyiapkan tesis ini dengan efektif.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Malaysia Sarawak yang juga banyak membantu dalam memberikan idea-idea bernas

sepanjang menyiapkan tesis ini. Disamping itu, sekalung ucapan juga saya tujukan kepada pihak pekerja di Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Alor Setar Kedah terutamanya Puan Balkiss binti Othman kerana memberi peluang dan kerjasama yang baik semasa saya menjalankan kajian di Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini di peringkat pengajian ijazah sarjana muda dengan kepujian. Semoga tesis ini menjadi sumber kegunaan rujukan bersama.

TAJUK PENYELIDIKAN.....	i
BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN.....	ii - iii
PENGAKUAN.....	iv
PENGHARGAAN.....	v - vi
ISI KANDUNGAN.....	vii - xi
SENARAI GAMBAR RAJAH.....	xii - xiii
ABSTRAK.....	xiv - xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan.....	1
1.1	Latar Belakang Kajian.....	2 - 3
1.2	Permasalahan Kajian.....	3
1.3	Hipotesis Kajian.....	4
1.4	Objektif Kajian.....	5
1.5	Persoalan Kajian.....	6
1.6	Signifikasi Kajian.....	7
1.7	Skop Kajian.....	7 - 8

1.8	Lokasi Kajian.....	8 - 9
1.8.1	Peta Lokasi Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.....	9
1.9	Konsep dan Teori Kajian.....	9
1.10	Rumusan.....	10

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	Pengenalan.....	11 - 12
2.0.1	FUNGSI MUZIUM.....	12 - 16
2.0.2	SEJARAH MUZIUM DUNIA.....	16 - 17
2.0.3	PROSEDUR PENJAGAAN KOLEKSI PAMERAN.....	18 - 19
2.0.4	PENYIMPANAN DAN KONSERVASI.....	19 - 20
2.0.5	PROSES PENDIDIKAN MUZIUM.....	20 - 21
2.0.6	PEMBELAJARAN MUZIUM.....	22 - 23
2.0.7	SUSUN ATUR KOLEKSI PAMERAN.....	23 - 25
2.0.8	MUZIUM SEBAGAI ALAT KAJIAN.....	25 - 26
2.0.9	KAWALAN KESELAMATAN MUZIUM DAN GALERI.....	26 - 27
2.1	Rumusan.....	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan.....	29
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	30
3.2	Kawasan Kajian.....	30
3.3	Kerangka Kajian.....	31
3.3.1	Langkah 1 : KAJIAN RINTIS.....	31 - 32
3.3.2	Langkah 2 : RANGKA KERJA DAN REKA BENTUK KAJIAN.....	33 - 35
3.3.3	Langkah 3: ANALISA KAJIAN.....	35
3.3.4	Langkah 4 : KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	35 - 36
3.4	Kaedah Mengumpulkan Data Primer.....	36
3.4.1	KAEDAH PEMERHATIAN.....	37
3.4.2	KAEDAH TEMUBUAL.....	38 - 39
3.4.3	KAEDAH SOAL SELIDIK.....	39 - 40
3.5	Kaedah Mengumpulkan Data Sekunder.....	41
3.6	Rumusan.....	42

BAB 4 ANALISA KAJIAN

4.0	Pengenalan.....	43
4.1	Kajian Data Kuantitatif.....	43 - 44
4.2	Hasil Dapatan Kajian Data Kuantitatif.....	69
4.3	Hasil Dapatan Kajian Data Kualitatif.....	70
4.3.1	Temubual.....	70 - 71
4.3.2	Koleksi Pameran.....	72
4.3.3	Pengurusan Koleksi Pameran Daripada Segi Pengawalan Keselamatan.....	72 - 73
4.4	Rumusan.....	74

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan.....	75
5.1	Perbincangan.....	75 - 77
5.2	Penemuan Kajian.....	77 - 78
5.3	Cadangan Kepada Pihak Galeri.....	79

5.3.1	Penggunaan Teknologi Sensor Pada Koleksi Pameran.....	79
5.3.2	Penggunaan kamera litar tertutup atau <i>CCTV</i> (<i>Closed Circuit Televisyen</i>) Yang Berkualiti Tinggi.....	80
5.3.3	Penambahan Bilangan Pengawal Keselamatan.....	80
5.4	Cadangan untuk kajian akan datang.....	81
5.4.1	Tahap Kepuasan Pengunjung.....	81
5.4.2	Struktur Seni Bina Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.....	82
5.4.3	Promosi Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.....	82 - 83
5.5	Implikasi.....	83
5.6	Kesimpulan.....	84
5.7	Rumusan.....	85
	 BIBLIOGRAFI.....	 86 - 87
	 LAMPIRAN.....	 88 - 96

SENARAI GAMBAR RAJAH

No	Senarai Gambar Rajah	Muka Surat
1	Jadual 1: Peratusan dan kekerapan bagi latar belakang responden (demografi)	44 - 45
2	Rajah 2 : Peratusan jantina responden	46
3	Rajah 3 : Peratusan golongan umur responden	47
4	Rajah 4 : Peratusan bangsa responden	48
5	Rajah 5 : Peratusan status perkahwinan responden	49
6	Rajah 6 : Peratusan pekerjaan responden	50
7	Rajah 7 : Peratusan akedemik responden	51
8	Rajah 8 : Bilangan responden pernah atau tidak pernah mengunjungi RKT DMM	52
9	Rajah 9 : Bilangan responden pernah atau tidak pernah melihat koleksi pameran RKT DMM	53 - 54
10	Rajah 10 : Bilangan kategori umur responden mengenai pengetahuan maklumat kawalan keselamatan terhadap koleksi pameran RKT DMM	55 - 56
11	Rajah 11 : Bilangan responden mengenai perolehan saluran maklumat koleksi pameran di RKT DMM	57 - 58

12	Rajah 12 : Bilangan responden mengenai sistem pengurusan yang baik memudahkan pengunjung mendapatkan maklumat di RKTDMM	59 - 60
13	Rajah 13 : Bilangan responden mengenai pemantauan dan semakan rekod oleh pekerja membantu dalam mengesan sebarang perubahan kedudukan koleksi pameran di RKTDMM	61 - 62
14	Rajah 14 : Bilangan responden mengenai koleksi pameran di RKTDMM hanya memberikan maklumat yang terhad sahaja	63 - 64
15	Rajah 15 : Bilangan kategori umur responden mengenai pengurusan koleksi yang dipamerkan di RKTDMM	65 - 66
16	Rajah 16 : Bilangan responden mengenai sistem keselamatan elektronik seperti pengera dan CCTV dapat menjamin sepenuhnya keselamatan koleksi yang dipamerkan	67 - 68

ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Pengurusan Koleksi Pameran Di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti koleksi-koleksi pameran yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengkaji sistem pengurusan koleksi pameran yang dijalankan oleh pihak galeri daripada segi pengawalan keselamatan koleksi pameran. Ini dapat diterjemahkan melalui tinjauan (*survey*) yang dilakukan terhadap pengunjung yang datang ke Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad dan ia juga disokong oleh fakta-fakta yang diperolehi dan hasil daripada temubual bersama informan yang pakar mengenai pengurusan Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu Puan Balkiss binti Othman (pegawai pengurusan di Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad). Hasil daripada kajian ini memberikan impak yang amat besar kepada pengkaji sendiri kerana ia membantu pengkaji dalam merungkai masalah mengenai pengurusan daripada segi pengawalan keselamatan koleksi pameran yang dijalankan di galeri tersebut

ABSTRACT

This study is about the Management Collection Exhibition At 'Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad'. This study was conducted to identify the collections exhibited at the exhibition at 'Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad' to study the exhibition collection management run by the gallery's curator, in controlling the securing the safety of the collections exhibited at the gallery. This study is supported by the facts available in the research and an interview who is an expert on the management at 'Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad', Pn Balkiss binti Othman (the manager officer at the gallery 'Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad'). The result of this study provides a very large impact on the researchers themselves as they unravel mismanagements in securing the safety of the collections exhibited at 'Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad'.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ini terletak No, 18 Lorong Kilang Ais, Tepi Jalan Pegawai Kampung Seberang Perak. Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri keempat Malaysia pada 16 Julai 1981. Rumah kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad telah diwartakan sebagai Galeri Arkib Negara Malaysia pada Mei 1993. Koleksi-koleksi barangan lama kegunaan beliau sewaktu dahulu dijadikan koleksi pameran dan diuruskan dengan baik supaya tidak rosak, dicuri dan sebagainya.

Dalam pengurusan koleksi pameran di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad, ia memerlukan sistem pengurusan yang melibatkan tenaga manusia dan kewangan. Tenaga manusia dalam konteks ini merupakan pekerja-pekerja yang diperlukan dalam mengurus koleksi pameran yang berada di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Kewangan pula merupakan faktor yang amat penting bagi menggerakkan tenaga kerja dalam mengurus koleksi pameran barangan lama kegunaan Tun Dr Mahathir Mohamad tersebut.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan salah satu bangunan bersejarah di Negeri Kedah dan dikelolakan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia. Ia terletak di Jalan Pegawai, berdekatan lampu isyarat simpang empat Seberang Perak dan bersebelahan Kilang Ais Lama. Rumah kayu beratap nipah ini dibeli oleh Mohamad Iskandar (bapa Dr Mahathir Mohamad) daripada seorang penjual yang pada masa itu hendak mengahwinkan anaknya.

Rumah ini telah dibina pada tahun 1900. Semasa dibeli rumah ini belum dicat, berserambi tetapi tidak bertangga di hadapan. Beberapa tahun kemudian barulah ditambah bahagian hadapan dan dicat. Rumah ini ketika dibeli dahulu mempunyai satu bilik sahaja dan tidak berelektrik serta berlantai papan. Bahagian anjung Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ini bersilangkan kain putih. Tun Dr Mahathir Mohamad telah dilahirkan di rumah ini pada 20 Disember 1925. Beliau tinggal di rumah ini sehingga berkahwin dan berpindah ke rumahnya sendiri di Titi Gajah.

Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ini mempunyai koleksi pameran yang begitu antik dan merupakan barangan kegunaan Tun Dr Mahathir Mohamad pada waktu dahulu. Semua barangan tersebut perlu dijaga dengan baik untuk tatapan generasi yang akan datang. Antara koleksi-koleksi pameran yang ada di dalam rumah kelahiran Tun

Dr Mahathir Mohamad adalah seperti pakaian Tun Dr Mahathir Mohamad, barangan perabot, barangan perubatan, barangan dapur dan sebagainya.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan sebuah Galeri Arkib Negara Malaysia yang mempamerkan koleksi-koleksi barangan lama kegunaan Tun Dr Mahathir Mohamad pada waktu dahulu. Koleksi-koleksi barang lama kegunaan Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan barang yang mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri dan perlu dipelihara dengan baik. Terdapat pelbagai jenis koleksi pameran yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, penjagaan koleksi pameran tersebut juga diperlukan dalam pemberian maklumat kepada masyarakat awam. Oleh itu, isu kajian ialah mengenai jenis-jenis koleksi pameran yang dipamerkan dan sistem pengurusan daripada segi pengawalan keselamatan terhadap koleksi pameran yang berada di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad supaya koleksi pameran tersebut dapat dijaga dengan baik.

1.2 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian merupakan andaian pengkaji mengenai hasil kajian berdasarkan objektif kajian. Dalam kajian mengenai pengurusan koleksi pameran di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ini, pengkaji dapat mengenalpasti jenis-jenis koleksi yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad tersebut.

Selain itu, melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengetahui sistem pengurusan yang digunakan oleh pihak galeri bagi memastikan jaminan keselamatan terhadap koleksi pameran yang dipamerkan selamat dan dijaga dengan baik. Oleh itu segala maklumat dan informasi mengenai pengurusan koleksi pameran di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir dapat membantu pengkaji dalam merungkai masalah yang ada.

Seterusnya, kajian ini juga membantu pelajar lain mendapatkan informasi mengenai jenis koleksi pameran yang dipamerkan dan pengurusan daripada segi kawalan keselamatan yang dijalankan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap koleksi pameran di galeri tersebut.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti koleksi-koleksi pameran yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad.

Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir mempunyai koleksi-koleksi pameran yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Koleksi pameran tersebut merupakan barangan yang pernah digunakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada waktu dahulu. Oleh hal yang demikian, barangan tersebut dijadikan koleksi pameran kepada pengunjung yang datang melawat rumah kelahiran Tun Dr Mahathir ini.

2. Mengkaji sistem pengurusan yang dijalankan oleh pihak galeri daripada segi pengawalan keselamatan terhadap koleksi pameran.

Koleksi-koleksi pameran peninggalan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir ini memerlukan pengurusan yang tersendiri. Oleh itu, sistem pengurusan daripada segi pengawalan keselamatan terhadap koleksi pameran, perlu dititik beratkan. Hal ini kerana, pihak galeri perlu memastikan koleksi pameran yang dipamerkan dapat dijaga dengan baik.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi sebuah galeri seni yang bersejarah. Galeri seni Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai pelbagai koleksi-koleksi pameran yang disimpan dan dipamerkan kepada pengunjung sebagai artifak yang memberikan pelbagai maklumat atau informasi.

Hal yang demikian, koleksi-koleksi pameran tersebut memerlukan sistem pengurusan daripada segi kawalan keselamatan terhadap koleksi pameran supaya koleksi pameran yang berada di Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad tersebut terpelihara daripada aspek fizikal mahupun aspek pengurusannya. Sejauh manakah kawalan keselamatan terhadap koleksi pameran di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad dan bagaimana ia berfungsi.

1. Apakah jenis-jenis koleksi pameran yang dipamerkan di Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad ?.
2. Bagaimanakah sistem pengurusan daripada segi pengawalan keselamatan terhadap koleksi pameran tersebut dijalankan?.

1.6 SIGNIFIKASI KAJIAN

Kajian ini dapat membantu masyarakat serta pelajar lain dalam mendapatkan maklumat mengenai koleksi-koleksi pameran iaitu barang-barang yang pernah digunakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu dahulu. Penyelidikan ini juga dapat membantu pengkaji dalam mengetahui sistem pengurusan daripada segi pengawalan keselamatan terhadap koleksi-koleksi pameran yang dijalankan oleh pihak Galeri Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri dan ia menjadi satu tanggungjawab bagi Arkib Negara Malaysia dalam memastikan pengurusan koleksi pameran yang dijalankan tersusun dengan rapi.

Ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad kepada masyarakat supaya melahirkan semangat cintakan warisan melayu tradisional. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pengkaji yang akan datang dalam merungkai masalah yang berada di sekeliling masyarakat pada masa sekarang.

1.7 SKOP KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah mengkaji beberapa skop kajian untuk melihat pengurusan daripada segi pengawalan keselamatan koleksi pameran yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Tujuan skop kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana pengurusan keselamatan terhadap koleksi pameran yang berada di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad dipraktikkan.

Skop kajian pertama yang dibuat oleh pengkaji ialah mengenalpasti jenis-jenis koleksi pameran yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Hal yang demikian, Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai pelbagai jenis koleksi pameran iaitu barang lama kegunaan Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu dahulu dan barangan tersebut mempunyai nilai sejarah tersendiri.

Skop kajian kedua yang dibuat oleh pengkaji pula ialah mengetahui sistem pengurusan yang digunakan oleh pihak galeri dalam memastikan koleksi pameran yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad dapat dijaga dengan baik dan teratur. Hal ini demikian kerana, koleksi pameran yang berada di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad memerlukan sistem pengurusan keselamatan bagi menjaga koleksi pameran tersebut.

1.8 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian dapat ditakrifkan sebagai tempat pengkaji menjalankan kajian. Lokasi kajian ini membantu pengkaji dalam mengetahui kawasan kajian yang hendak dikaji. Lokasi kajian mengenai pengurusan koleksi-koleksi pameran di Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir ini adalah terletak di No, 18 Lorong Kilang Ais, Tepi Jalan Pegawai Kampung Seberang Perak, Alor Setar Kedah Darulaman.